



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA  
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 1/2011 (2 hingga 8 Januari 2011)

Pada minggu pertama tahun 2011 iaitu bagi tempoh 2 hingga 8 Januari 2011, sejumlah 521 kes Demam Denggi dengan 1 kematian telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 34 kes (7%) berbanding 487 kes pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, ia berkurangan sebanyak 46% atau 444 kes berbanding 965 kes pada minggu pertama tahun lalu. Terdapat sepuluh buah negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Sarawak meningkat sebanyak 17 kes (59%), Melaka 11 kes (137%), Kelantan 7 kes (33%), Pahang 7 kes (26%), Kedah 6 kes (67%), P.Pinang 5 kes (13%), Terengganu 4 kes (22%), N.Sembilan 2 kes (50%), Perlis 1 kes (100%) dan Labuan meningkat sebanyak 1 kes (100%) (Lampiran A).

Pada minggu lepas, terdapat 1 kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu melibatkan seorang nelayan berumur 53 tahun dari Kuala Besut, Terengganu. Pesakit yang mula mengalami demam, sakit kepala dan sakit badan pada 27 Disember 2010, telah mendapatkan rawatan pertama di sebuah klinik berhampiran rumahnya 3 hari kemudian iaitu pada 30 Disember 2010 dan dirawat sebagai pesakit luar. Pesakit telah mendapatkan rawatan di Hospital

Besut pada 31 Disember 2010 dan pada 1 Januari 2011. Pesakit dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu kerana mengalami komplikasi pendarahan. Keadaan pesakit bertambah tenat dan dimasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pada 3 Januari 2011 dan meninggal dunia pada keesokan harinya dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Kawasan kediaman pesakit merupakan kawasan wabak apabila anak beliau yang berusia 13 tahun telah dimasukkan ke hospital akibat Demam Denggi. Hasil pemeriksaan yang dijalankan di kesemua 48 buah rumah di kawasan kediaman pesakit mendapat terdapat 2 pembiakan dijumpai di dua buah rumah iaitu pada sinki terpakai dan bekas botol minyak. Kedua-dua pemilik premis ini telah dikenakan kompaun maksima RM500. Aktiviti semburan kabus telah dijalankan kepada kesemua 48 premis di kawasan kediaman pesakit. Penduduk juga memberi kerjasama dengan menjalankan gotong-royong pada 8 Januari 2011.

Sejumlah 107 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 5 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 61 kes Demam Denggi (Lampiran C). Tiga atau 60% daripada 5 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Hanya 20% atau 1 daripada 5 lokaliti hotspots ini yang menjalankan aktiviti gotong-royong. Aktiviti gotong-royong juga perlu dipertingkatkan di negeri yang telah mengalami banjir baru-baru ini seperti di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Di samping membersihkan kawasan tempat tinggal, komuniti juga perlu mengambil tindakan segera dengan menghapuskan tempat-tempat air bertakung yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Beberapa inisiatif baru juga telah dilaksanakan oleh pihak KKM dengan tumpuan utama diberikan di kawasan Lembah Klang. Antara inisiatif tersebut ialah memasang iklan pencegahan demam denggi pada 30 buah bas, membina 50 unit papan iklan di sekolah dalam kawasan *hospots*, pemasangan 22 unit iklan di pondok bas di daerah Hulu Langat dan Klang, dan memperkenalkan perkhidmatan lori bergerak ke kawasan *hotspot* bagi menjalankan aktiviti penyampaian maklumat kepada komuniti.

Selaras dengan kempen kebersihan yang disarankan oleh kerajaan, Kementerian Kesihatan berharap pada tahun 2011 lebih ramai masyarakat akan mengambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong untuk membersihkan persekitaran masing-masing dan menyediakan prasarana yang lebih bersih serta sihat. Kematian akibat Denggi yang dialami pada tahun lepas perlu dipandang serius oleh masyarakat. Langkah pencegahan melalui menghapuskan tempat pembiakan Aedes dengan meluangkan hanya 10 minit seminggu dapat mengurangkan jangkitan dan kematian akibat Demam Denggi. Bertindaklah sekarang, lindungi keluarga anda daripada Denggi. “Tiada Aedes, Tiada Denggi”.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan sejak 3 minggu lepas dan begitu juga pada minggu pertama tahun 2011, diharapkan situasi penyakit ini akan terus berkurangan pada tahun ini.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

11 Januari 2011

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 1/2011  
(2 hingga 8 Januari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 1/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 1/2010
		Minggu 1 (2 – 8 Januari 2011)	Minggu 52 (26 Disember 2010 – 1 Januari 2011)		
1	Perlis	2	1	2	0
2	Kedah	15	9	15	7
3	P. Pinang	42	37	42	37
4	Perak	36	40	36	23
5	Selangor	170	188 (1)	170	400 (2)
6	WPKL & Putrajaya	36	40	36	62
7	N. Sembilan	6	4	6	20
8	Melaka	19	8	19	8
9	Johor	50	51	50	46
10	Pahang	34	27	34	17
11	Terengganu	22 (1)	18	22 (1)	18
12	Kelantan	28	21	28	17
13	Sarawak	46	29	46	255
14	Sabah	14	14	14	55
15	WP Labuan	1	0	1	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>521 (1)</b>	<b>487 (1)</b>	<b>521 (1)</b>	<b>965 (2)</b>

Nota: ( ) Kematian

**Lampiran B**

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 1/2011  
(2 hingga 8 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 1/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 1/2010
		Minggu 1 ( 2 – 8 Januari 2011)	Minggu 52 ( 26 Disember 2010 – 1 Januari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	0
4	Perak	0	0	0	0
5	Selangor	0	0	0	1
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	0	0
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	0	0
13	Sarawak	0	0	0	42
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>44</b>

**Lampiran C**

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 1  
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 1)	19	57
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Melayu Bt 16 Rawang	6	43
3	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	13	38
4	WPKL	Cheras	Taman Miharja ( Fasa 1)	9	32
5	PAHANG	Kuantan	Taman Tas selatan	14	40

**Lampiran D**

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 1  
BAGI TAHUN 2011  
(2 hingga 8 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Melayu Bt 16 Rawang	7.1	7.0
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	4.0	4.0
3	WPKL	Cheras	Taman Miharja ( Fasa 1)	2.0	4.0